

Cagamas terima plak 'Tiger Emas

KUALA LUMPUR, Sabtu - Cagamas Bhd. yang juga perbadanan gadai janji nasional negara, menerima plak 'Tiger Emas Bond' bersempena terbitan sulung Renminbi Pesisir Luar agensi itu.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz menyampaikan anugerah itu kepada Cagamas.

Terbitan itu yang disenaraikan di Bursa Kewangan Antarabang-

sa Labuan, turut membawa nama sama 'Tiger Emas Bond' di pasaran bagi mewakili terbitan RMB Pesisir Luar oleh korporat Malaysia.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chung Chee Leong menyifatkan pengiktirafan itu satu pencapaian bagi senarai terbitan bon utamanya.

"Sambutan amat menggalakkan oleh pelabur antarabangsa membuktikan keyakinan mereka

terhadap gred terbitan pelaburan dalam korporat Malaysia.

"Ini disebabkan kami menawarkan cadangan tawaran nilai yang kukuh kepada pelabur bagi mencapai kepelbagaian dalam portfolio kredit mereka," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Menurut Chung, pendapatan hasil terbitan itu digunakan bagi pembelian pinjaman bercagar.

- Bernama